

04 FEB 1999

Mahathir-Hun Sen

DR MAHATHIR YAKIN KERAJAAN CAMPURAN KEMBOJA AKAN BEKERJASAMA

KUALA LUMPUR, 4 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melahirkan keyakinan bahawa parti-parti dalam kerajaan campuran Kemboja akan bekerjasama demi keamanan dan kestabilan serta demi kebajikan dan kepentingan seluruh rakyat Kemboja.

Perdana Menteri berkata hasrat untuk mencapai kedamaian di Kemboja adalah selari dengan usaha masyarakat antarabangsa yang ingin melihat Kemboja sebagai sebuah negara yang makmur.

"Malaysia akur kepada cabaran-cabaran yang dihadapi kerajaan Kemboja dalam usahanya menggalakkan perpaduan negara dan membaikpulih serta membina semula negara berkenaan.

"Bagi menyokong usaha-usaha tersebut sepenuhnya, saya ingin menegaskan bahawa kerajaan saya akan terus berkongsi pengalaman dan kemahiran bagi membantu Kemboja merealisasikan sepenuhnya potensi sumber manusianya untuk pembangunan ekonomi dan sosial negara itu," katanya semasa berucap pada majlis makan malam meraikan Perdana Menteri Kemboja Hun Sen di Sri Perdana malam ini.

Pemimpin Kemboja itu, yang tiba di sini hari ini atas jemputan Dr Mahathir, sedang dalam lawatan rasmi tiga hari untuk meningkatkan hubungan dua hala dengan Malaysia.

Dr Mahathir turut mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada Hun Sen di atas peranan dan komitmennya dalam mencari penyelesaian yang berkesan untuk semua pihak dan membuka jalan bagi pembentukan sebuah kerajaan campuran baru di Kemboja.

Kemboja mengadakan pilihan raya umum pada Julai tahun lepas dan menubuhkan kerajaan campuran pada November, menandakan berakhirnya perebutan kuasa berdarah antara Hun Sen dan Putera Norodom Ranariddh sejak Julai 1997.

Dr Mahathir berkata Malaysia mengikuti pilihan raya Kemboja dengan penuh minat dan mendapati sambutan penuh bersemangat rakyat Kemboja keluar mengundi membayangkan komitmen kukuh terhadap proses demokrasi dan hasrat mereka untuk sebuah negara yang aman dan stabil.

Beliau berkata persetujuan yang telah dicapai atas platform politik dan ekonomi yang sama serta prinsip berkongsi kuasa bagi negara itu adalah sangat bererti.

Perdana Menteri berkata sektor swasta kedua-dua negara mempunyai peranan yang penting dalam menggalakkan perkembangan dan pembangunan ekonomi Malaysia dan Kemboja.

"Kehadiran tokoh korporat dan para pengusaha Malaysia di Kemboja membuktikan komitmen mereka untuk bekerjasama dalam perkongsian yang produktif dengan rakan-rakan perniagaan mereka di Kemboja yang mana hasilnya akan dinikmati bersama oleh kedua-dua pihak," katanya.

Beliau berkata penglibatan sektor swasta Malaysia di dalam pembinaan semula dan pembangunan Kemboja akan terus digalakkan.

"Kami akan memastikan bahawa mereka mematuhi undang-undang, peraturan dan dasar Kemboja. Kami yakin Kemboja juga akan memberi kerjasama kepada syarikat-syarikat Malaysia selaras dengan undang-undang Kemboja demi untuk meningkatkan lagi penglibatan mereka di dalam pembangunan ekonomi Kemboja," katanya.

Pada masa ini, terdapat 70 buah syarikat Malaysia melabur di Kemboja dan 30 daripadanya terlibat dalam projek usahasama dengan rakan perniagaan mereka.

Mengenai kemasukan Kemboja sebagai anggota ke-10 Asean, Perdana Menteri berkata keanggotaan Kemboja adalah satu perkembangan positif dalam objektif untuk memperbesarkan Asean dengan keanggotaan penuh semua negara Asia Tenggara.

"Malaysia yakin bahawa Kemboja akan dapat memberi sumbangan dan memainkan peranan yang bererti dalam mempertingkatkan dan membangunkan organisasi ini demi keamanan, keselamatan dan kemakmuran serantau," katanya.

Beliau berkata adalah menjadi hasrat Malaysia bahawa semangat Asean yang penuh dengan rasa muhibah, saling mempercayai dan bekerjasama akan terus membentuk pemikiran dan tindakan Asean di masa akan datang, apatah lagi dengan konsep baru globalisasi yang membawa cabaran yang tidak pernah diduga.

Dr Mahathir berkata seluruh rakyat Kemboja menaruh harapan terhadap Hun Sen yang baru dilantik sebagai Ketua Kerajaan Kemboja dan mendoakan beliau berjaya melaksanakan tanggungjawabnya.

-- BERNAMA

HS AHH AKD